

UCAPAN PERDANA MENTERI MERASMIKAN PELANCARAN SISTEM PANGGILAN SAMBUNGJAUH TERUS DAIL (STD) DI ANTARA SEMENANJUNG MALAYSIA DENGAN SABAH DAN SARAWAK, MELALUI RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA PADA 30HB OGOS, 1980

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Perkhidmatan telekomunikasi di negara kita telah maju setapak lagi dengan pelancaran sistem Panggilan Sambungjauh Terus Dail di antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah ini. Perkhidmatan ini adalah satu kemudahan yang akan membantu dalam pembangunan sosial dan ekonomi negara. Ia juga dapat melicinkan jentera pentadbiran negara di samping mengeratkan lagi hubungan dan persefahaman di kalangan rakyat.

Oleh yang demikian, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperbaiki dan memperluaskan perkhidmatan telekomunikasi ini. Sejak lahirnya Malaysia, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mendekatkan lagi Sarawak dan Sabah dengan Semenanjung dalam berbagai bidang. Dalam bidang telekomunikasi pula, berbagai rancangan telah dilaksanakan dan hubungan di antara Semenanjung dengan Sarawak dan Sabah telah menjadi bertambah baik. Dengan terlaksananya kebel telefon dasar laut di antara Kuantan dan Kuching ini, maka kemudahan-kemudahan telekomunikasi antara negeri-negeri di Malaysia telah mencapai taraf yang sama.

Adalah menjadi harapan saya dengan wujudnya kemudahan baru ini rakyat di negara kita yang tinggal di Semenanjung, Sarawak dan Sabah akan berasa lebih dekat dan berpadu. Kemudahan baru ini akan juga menolong memesatkan lagi pembangunan di seluruh negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Dengan terlaksananya rancangan ini, pihak Jabatan Telekom dapat menurunkan kadar bayaran telefon di antara Semenanjung dengan Sarawak dan Sabah. Jika terdahulu dari ini kadar bayaran yang dikenakan di antara Semenanjung dengan Sarawak bagi

tempoh 3 minit ialah \$9.60, mulai 31 haribulan Ogos ini kadarnya diturunkan kepada \$6.00. Kadar bayaran di antara Semenanjung dengan Sabah pula akan juga diturunkan dari \$12.90 kepada \$6.00.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Jabatan Telekom, Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan kepada semua yang telah menjayakan projek ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran Sistem Panggilan Sambungjauh Terus Dail di antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak dan Sabah.